

Arahan: Jawab semua soalan dalam setiap bahagian.

BAHAGIAN A

[15 markah]

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Kamala _____ jadual belajar yang disediakan untuk cemerlang dalam pelajaran dan sukan.
A melewati
B menyertai
C mematuhi
D mendepani
- 2 Seseorang yang mengalami kemurungan akan menjadi hilang minat _____ aktiviti yang disukainya.
A pada
B akan
C dengan
D terhadap

Soalan 3 – 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betulnya.

- 3 I Sekumpulan murid melintas *jalan* di lintasan belang.
II Filem patriotik itu mempunyai *jalan* cerita yang menarik.
III Pelbagai *jalan* untuk merawat penyakit budak perempuan itu telah pun dilakukan.
IV Dalam *jalan* pulang ke kampung, mereka melihat pemandangan sawah yang indah dan menguning.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
- 4 I Jam dinding rumah Encik Musa *cepat* tiga minit.
II Demonstrasi kebakaran oleh pasukan bomba itu berakhir dengan *cepatnya*.
III Jagdev bersikap *cepat* apabila menggunakan duit kerana dia tidak suka membazir.
IV Puan Rodhiah menasihati anaknya supaya *cepat* semasa memandu kereta agar selamat tiba di destinasi.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 5 – 6

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 5 Alice menyahut bila dipanggil oleh ibunya dari belakang rumah.
- A bila ibunya panggil
 - B apabila ibunya panggil
 - C apabila dipanggil oleh ibunya
 - D bila dipanggil oleh ibunya
- 6 Encik Mukhlis membelikan sebuah basikal untuk anaknya kerana anaknya mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan.
- A membeli anaknya sebuah basikal
 - B membelikan anaknya sebuah basikal
 - C membelikan untuk anaknya sebuah basikal
 - D membelikan sebuah basikal untuk anaknya

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 7 I “Kejayaan saya dalam sukan ini adalah hasil sokongan daripada ahli keluarga saya yang tidak berbelah bahagi,” kata Muazam.
II “Apakah ayah kamu sudah pulang ke rumah?” tanya Encik Chandran kepada anak jirannya, Sazali.
III “Tolong ambil dua gulungan tikar di belakang pintu itu,” kata Puan Faridah kepada anaknya.
IV “Saya tidak mengenali mereka kerana mereka bukan penduduk di sini,” kata Najib.
- A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II dan III sahaja
 - D II, III dan IV sahaja
- 8 I Budak lelaki itu menonton seorang warga emas melintas jalan dengan selamatnya.
II Pasukan pancaragam sekolah itu terdiri daripada murid pelbagai bangsa dan keturunan.
III Semua kerja rumah yang diberikan oleh Cikgu Vimal telah disiapkan oleh Kartika semalam.
IV Oleh sebab berat badannya bertambah, Husaini mula bersenam dan mengamalkan pemakanan yang seimbang.
- A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II dan III sahaja
 - D II, III dan IV sahaja

Soalan 9

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

- 9 Kebanyakan kes kemalangan ketika beriadah disebabkan oleh kecuai dan tidak memakai peralatan keselamatan.
- A Punca kemalangan ketika beriadah ialah kecuai dan tidak memakai peralatan keselamatan.
 - B Sikap cuai dan tidak memakai peralatan keselamatan adalah antara punca bagi kebanyakan kes kemalangan ketika beriadah.
 - C Banyak orang tidak memakai peralatan keselamatan dan bersikap cuai ketika beriadah yang mengakibatkan berlakunya kemalangan.
 - D Kita hendaklah memakai peralatan keselamatan dan menghindari sikap cuai ketika melakukan aktiviti riadah untuk mengelakkan kemalangan.

Soalan 10

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

- 10 Encik Rahim tidak menyangka bahawa dia telah memenangi hadiah utama dalam peraduan anjuran syarikat perumahan itu.

Keadaan ini sesuai dengan peribahasa

- A bagai bulan jatuh ke riba.
- B seperti hujan jatuh ke pasir.
- C bagai bunyi cempedak jatuh.
- D seperti orang mengantuk disorongkan bantal.